

Alam Wanita

Soal Berbilang Isteri dalam Islam

(5)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang “digantung tidak bertali”, masalah beristeri lebih dari satu atau “poligami”, dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan maSharakat.

Masalah-masalah ini telah diuraikan oleh Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir dalam bukunya “*Bayt al-Ta‘ah wa Ta‘adud al-Zaujāt, wa al-Talāq fi al-Islām*”. Huraianya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah itu yang sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu telah diuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz), dan mulai siaran yang ke 4 dan seterusnya, pengarangnya, menghuraikan pula masalah yang kedua – soal berbilang isteri dalam Islam.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

**Tuduhan-tuduhan terhadap peraturan berbilang isteri
dan jawapan kita**

Banyak di antara pembahas-pembahas Barat yang telah tampil memperkatakan peraturan berbilang isteri dalam Islam, dan mereka telah mengemukakan beberapa celaan terhadapnya.

Mereka mengatakan, meskipun ia dihadkan dengan bilangan yang tertentu, iaitu empat orang isteri, tetapi ia mengandungi galakan-galakan yang menurut kehendak runtunan dan kehendak hawa nafsu syahwat yang rendah pada kaum lelaki. Sebagaimana ia juga mengandungi dorongan kepada menghina isteri dan mengecewakan hak-haknya, serta mencerobohi dasar persamaan antara lelaki dan perempuan.

Jelasnya, seorang perempuan, tidak terasa bahawa ia terpelihara kehormatannya, mendapat cukup akan hak-haknya,

selagi perempuan lain menjadi kongsinya dalam menawan hati suaminya dan timbang rasanya serta keraianya.

Tidak juga akan terasa bahawa ia tuan rumah menurut erti yang sepenuhnya selagi ada perempuan-perempuan yang lain yang juga menjadi tuan rumah itu, menduduki singgahsana rumahtangga itu bersama-sama dengannya. Dasar persamaaan yang sepatutnya meliputi perhubungan suami dengan isterinya menetapkan hendaklah si isteri itu mempunyai hak yang menentukan supaya suaminya bulat-bulat untuknya seorang sahaja, sebagaimana si suami berhak

menetapkan isterinya itu bulat-bulat untuknya.

Mereka (orang-orang Barat) mengatakan bahawa dasar berbilang-bilang isteri, selain daripada kecacatan-kecacatan dan bahaya-bahaya dari segi-segi peradaban dan undang-undang yang terdapat di dalamnya, ada pula kecacatan-kecacatan dan bahaya-bahaya dalam amalannya yang berupa kebendaan. Dasar berbilang-bilang isteri menurut pandangan mereka - membawa kepada bahaya-bahaya yang besar dalam kehidupan keluarga dan kehidupan maSharakat.

Dasar berbilang-bilang isteri, menurut pandangan mereka – membawa kepada perbalahan yang berpanjangan di antara suami dengan isteri-isterinya, dan di antara isteri-isteri itu sesama sendiri. Maka dengan itu akan berlakulah huru hara dan kekacauan dalam kehidupan keluarga, dan akan hiduplah anak-anak dalam suasana yang buruk, lalu berpindahlah keburukan itu di dalam diri dan akhlak mereka.

Dasar berbilang isteri itu juga – menurut pandangan mereka – membawa kepada kezaliman dan menaruh perasaan dendam, yang sudah tentu akibatnya sangat besar (bahayanya). Walau bagaimanapun seorang suami berjaga-jaga daripada melanggar perintah Allah maka ia tidak akan dapat berlaku adil secara mutlak terhadap isteri-isterinya. Perbuatannya dan layanannya akan menumbuhkan perasaan yang pahit di dalam diri setengah daripada isteri-isterinya, bahkan di dalam diri kesemua isteri-isterinya. Kerana tiap-tiap seorang daripada isteri-isterinya itu, walau bagaimanapun layanan baik yang diberikan kepadanya, merasai dirinya teraniaya pada setengah-setengah perkara. Rasa pahit yang terpendam di dalam hati biasanya membawa kepada membalas dendam dan mengadakan pakatan-pakatan sulit.

Dasar berbilang-bilang isteri – menurut pandangan mereka –

membawa kepada perbalahan di antara saudara-saudara (adik-beradik) sesama sendiri. Tidak terselindung akan apa yang selalu berlaku di antara adik-beradik yang berlain-lain ibu, iaitu selalu bertengangan dan berbalah, dan tidak terselindung bahawa sebab-sebab yang utama yang menimbulkan kejadian-kejadian yang seperti itu ialah kerana ibu-ibu mereka yang berbilang-bilang, yang masing-masingnya menaruh dendam kepada madu-madunya yang lain dan kepada anak-anak mereka.

Dasar berbilang isteri – menurut pandangan mereka – membiakkan keturunan, sedang perkara banyak anak itu kerapkali membawa kepada kemiskinan dan kelemahan pendidikan serta tidak dapat diadakan kawalan, yang akibatnya akan menjadikan anak-anak itu bertempiaran dan melakukan jenayah.

* * *

Demikianlah pandangan pembahas-pembahas dari orang-orang Barat terhadap dasar berbilang-bilang isteri, dan pandangan mereka

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh:

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

ini diturut pula oleh setengah-setengah orang-orang Islam yang berpelajaran Barat, yang tercelup dan berlagak secara orang-orang barat. Mereka menjerit-jerit menyatakan rasa gelisahnya terhadap peraturan Islam ini, dan menuntut kepada pihak yang berkuasa, yang membuat undang-undang, supaya campur tangan mengubah peraturan Islam itu dan membentuknya semula atas dasar-dasar yang dijalankan oleh bangsa-bangsa Barat, iaitu dasar beristeri seorang sahaja, atau atas dasar-dasar yang sehampir-hampirnya. Oleh itu, jangan dibenarkan siapa-siapa pun beristeri lebih dari satu melainkan dalam keadaan darurat yang bersangatan, dan dengan kebenaran yang tegas dari tuan kadi setelah perkaranya itu disiasat halus-halus dari segala segi. Dengan jalan yang demikian – menurut pandangan mereka – dapat dijauhkan segala bencana yang tersebut, dan negeri kita yang mundur akan meningkat dalam barisan bangsa-bangsa yang maju!

Jawapan Kita

Tuduhan-tuduhan ini yang telah dilemparkan oleh orang-orang Barat dan pengekor-pengekornya itu adalah terdiri di atas fahaman yang salah terhadap peraturan berbilang-bilang isteri yang dibenarkan oleh Islam, dan disebabkan mereka tidak mengambil endah kepada dasar yang di atasnya peraturan berbilang-bilang isteri itu telah didirikan oleh Islam.

Tidaklah benar apa yang dikatakan oleh mereka bahawa peraturan berbilang-bilang isteri secara Islam itu membawa kepada kejadian-kejadian yang membahayakan isteri-isteri atau kepada menghina kehormatan mereka dan berlaku zalim terhadap hak-hak mereka. Islam tidak memaksakan seseorang perempuan supaya bersetuju bersuamikan lelaki yang telah sedia beristeri, bahkan Islam memberikan sepenuh-penuh kebebasan kepadanya dan kepada kaum keluarganya untuk

menerima atau menolak pinangan seorang lelaki yang telah sedia beristeri. Kalau perempuan itu bersetuju dan kaum keluarganya juga bersetuju akan pinangan yang tersebut maka itu menjadi dalil bahawa perkara itu – menurut pandangan perempuan itu dan pandangan kaum keluarganya – tidak berbahaya dan tidak membahayakan. Islam juga telah memberikan sepenuh-penuh kebebasan kepada isteri tua dan keluarganya untuk menolak atau membenarkan suami beristerikan seorang perempuan yang lain jika ia (suami) atau keluarga bakal isteri muda itu meminta izin kepada mereka. (Hal ini pernah berlaku dalam zaman Nabi, iaitu): keluarga Abū Jahal (yang kesemuanya telah memeluk Islam) berkehendak mengahwinkan salah seorang anak perempuan mereka kepada Saiyidina ‘Alī bin Abī Tālib, yang pada ketika itu sedang beristerikan Siti Fātimah al-Zahra’ binti Rasulullah *sallā Allāh ‘alayhi wa ālihi wa sallam*. Permintaan itu telah ditolak oleh Rasulullah, kerana Baginda memandang perkara itu akan menimbulkan kemarahan puterinya – Siti Fātimah, dan akan merasuk hati puterinya yang dikasihi terhadap agama Islam yang dipeluknya, dan juga akan membawanya kepada mencuaikan hak-hak suaminya. Lebih-lebih lagi perkara itu tidak sesuai dengan kedudukan dan kehormatan Siti Fātimah – puteri Rasulullah, jika ia dimadukan dengan anak perempuan Abū Jahal – seteru Allah (yang telah mati dalam keadaan mushrik di medan Perang Badar – P.). Rasulullah telah menolak permintaan itu lalu bersabda¹:

“Inna Banī Hishām bin² Al-Mughīrah (wa hum rahṭun Abī Jahl)³ ista’dhanū fī an yunkiḥū ibnatahum ‘alaiya ibn⁴ Abī Tālib, falā adhanu thumma lā adhanu thumma lā adhanu, illā an yurīdu ibnu Abī Tālib an yuṭalliqa ibnatī wa yankiḥa ibnatahum,”

¹ Hadis yang berikut adalah hadis no. 5230, Bab Perkahwinan, Sahih Bukhari.

² Perkataan sebenar ialah *ibni*

³ Ayat di dalam kurungan tidak terdapat dalam teks hadis no. 5230, Bab Perkahwinan, Sahih Bukhari.

⁴ Perkataan sebenar ialah *bin*

fa innamā hiya baq‘ah minnī, yuribunī mā rābahā⁵, wa yu‘dhīnī mā adhāhā, wa innanī liatakhawwafū⁶ an tuftana fi dīnihā.⁷” – rawāhu al-Bukhāri.

Ertinya: “Bahawa keluarga Hishām bin al-Mughīrah (iaitu keluarga Abu Jahal) telah meminta izin kepada aku hendak mengahwinkan anak perempuan mereka kepada ibnu Abī Tālib, maka ketahuilah, aku tidak benarkan, aku tidak benarkan, aku tidak benarkan, kecuali jika ibnu Abī Tālib mahu menceraikan anakku dan berkahwin dengan anak perempuan mereka, kerana sesungguhnya Fātimah ialah sepotong daripada diriku, apa yang meragukan hatinya: meragukan juga akan hatiku, dan apa yang menyakitinya: menyakiti juga akan daku. Dan sesungguhnya aku merasa bimbang kalau-kalau ia terpesona di dalam agamanya (jika ia dimadukan).” (*)

(*) Dalam satu hadis lagi (Riwayat Muslim), bahawa Nabi (S.A.W) bersabda sebagai tambahan selain daripada Hadis Bukhari yang tersebut di atas yaitu maksudnya: “Sesungguhnya aku tidaklah mengharamkan yang halal, dan tidak pula menghalalkan yang haram.”

Dalam hadis-hadis yang lain, ada pula tambahan, sabdanya (yang bermaksud): “Tetapi demi Allah, tidak akan berhimpun anak perempuan Rasulullah dengan anak perempuan seteru Allah (Abu Jahal) di dalam sebuah rumah selama-lamanya.”

Dalam pada itu, sah atau tidak perkahwinan seorang lelaki dengan seorang perempuan yang lain, tidak bergantung kepada izin isterinya (isteri tua) dan tidak juga kepada izin keluarga isterinya itu, dan tidak juga bergantung kepada keredaan isterinya (isteri tua) dan tidak juga kepada keredaan keluarga isterinya itu. Tetapi apabila izin itu diminta kepada si isteri (isteri tua) atau kepada keluarganya, maka Islam, sebagaimana yang kita lihat (dalam keterangan tadi), memberikan sepenuh-penuh kebebasan untuk menerima atau menolak.

⁵ Perkataan sebenar ialah *arābahā*

⁶ Perkataan sebenar ialah *atakhawwafū*

⁷ Ayat ini tidak terdapat dalam teks hadis no. 5230, Bab Perkahwinan, Sahih Bukhari tetapi terdapat dalam teks hadis no. 3110, Bab Kewajipan *Khumus*, Sahih Bukhari, yang juga membincangkan perkara yang sama.

Islam juga telah mewajibkan seseorang suami itu memberikan nafkah kepada sekalian isterinya, dan memberikan mereka layanan yang sama dalam perkara-perkara yang dapat dilakukan keadilan. Di dalamnya, hingga kepada giliran bermalam dan pembahagian waktu di antara mereka. Islam juga telah mengharuskan bagi si isteri apabila perbuatan suaminya beristeri lebih itu membahayakannya atau apakala hak-haknya yang wajib itu dipercuaikan oleh suaminya maka ia berhak mengadukan kepada Mahkamah Syariah untuk memperlindunginya daripada perbuatan suaminya yang membahayakannya itu atau untuk meluluskan talaknya jika tidak ada jalan penyelesaian yang lain. Daripada semua yang disebutkan itu nyatah bahwa Islam telah mendirikan peraturan berbilang-bilang isteri di atas dasar-dasar yang memelihara kehormatan isteri-isteri dan memelihara akan hak-hak mereka, serta memperlindungi mereka daripada perkara-perkara yang berbahaya kepada mereka atau yang membahayakan orang lain.

Tidaklah benar tentang apa yang dikatakan oleh mereka bahawa perbuatan berbilang-bilang isteri pada zatnya membawa kepada perbalahan di antara orang-orang yang terlingkung dalam keluarga itu. Yang sebenarnya perkara itu bergantung kepada sikap tegas si suami, dan kepada hormatnya tentang berlaku adil dalam perjalanan hidupnya, dan kepada pengawasannya menjauahkan diri daripada melanggar perintah-perintah Tuhan, dan kepada amalnya menunaikan perintah-perintah yang diwajibkan atasnya, serta elok tadbirnya menguruskan keluarga dan rumah tangganya. Kalau sifat-sifat yang disebutkan ini ada pada seorang suami, dan ia telah memelihara dan menjalankan perintah-perintah Tuhan yang diwajibkan atasnya, maka akan sempurna

dan bereslah urusan keluarga, dan akan lenyaplah perkara-perkara yang menimbulkan perbalahan. Kalau pula ia tidak bersikap tegas dan berlaku adil, dan kacau bilau pertadbirannya, maka kucar-kacirlah susunan peraturan keluarganya, dan kacaualah urusannya, serta suasana keluarga itu akan penuh pula dengan perbalahan, baik sahaja si suami itu berbilang-bilang isterinya atau beristeri satu.

Tidak juga benar tentang apa yang dikatakan oleh mereka bahawa perkembangan zuriat (banyak anak) hasil dari dasar berbilang-bilang isteri adalah menjadi punca kejahanatan bagi keluarga dan maSharakat. Sebenarnya perkara banyak

anak bukanlah satu perkara yang buruk pada zatnya, bahkan asalnya menjadi punca kebaikan dan kebajikan yang besar bagi keluarga dan negara dan manusia umumnya.

Perkara banyak anak, tidak juga menjadi perkara yang berbahaya kecuali jika si suami itu tidak sanggup memberi nafkah kepada anak isterinya (keluarganya). Kita juga telah sedia mengetahui bahawa Islam melarang daripada menjalankan dasar berbilang-bilang isteri, bahkan melarang daripada perkahwinan itu sendiri, dalam masa seseorang tidak sanggup menanggung beban-beban yang tersebut.

- Bersambung

Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak

Shaykh Haji di Makkah Al-Mukarramah

(Telegram : Shibli Makkah)

(Peti surat nombor 188)

Sedia menyembah dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Makkah, di Madinah, di Arafah dan di Mina dengan sepenuh-sepenuh puas hati. Timbang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi Arabiyah, yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang mengunjungi tanah suci, yang sedia teratur perhubungan secara modern dengan belanja yang murah.

BerShaykhlah dengan Shaykh Shibliyang berdekatan dengan Masjidil Haram.

Berhubunglah dengan wakil kita:

HAI AWAD BIN JA'AFAR

AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS

115-1 Minto Road,
Singapore, 7.

Jalan Haji Mataim,
Kuching, Sarawak

Atau kepada:

A.H EDRUS

356/8 Geylang Road,
Singapore,14.

Yang akhir ini akan bersedia memberi dan petunjuk-petunjuk kepada orang-orang haji yang akan berShaykh dengan Shaykh Abdul Rahmann ShibliSarawak.